



Semua Pelajar Berdaftar  
Semester 2 Sesi Akademik 2016-2017  
Pusat Kembangan Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/i,

**PENGESAHAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2016-2017**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir bagi Program Eksekutif dan Berterusan Jarak Jauh (PBJJ) Semester 2 Sesi Akademik 2016-2017 akan diadakan pada **17 Julai hingga 6 Ogos 2017**.

Sehubungan itu, saudara/i dikehendaki membuat pengesahan kursus Semester 2 Sesi Akademik 2016-2017 melalui **SMPE** mulai **22 hingga 28 Mei 2017**. Dalam paparan di SMPE akan tersenarai kursus yang saudara/i daftar pada semester ini, saudara/i perlu menekan butang SAH jika semua kursus dipaparkan adalah betul. Semua pelajar **perlu** membuat pengesahan kursus ini untuk memastikan semua kursus yang saudara/i daftarkan telah tersenarai di dalam senarai pendaftaran kursus semasa. Saudara/i yang gagal membuat permohonan masuk peperiksaan dalam tempoh masa yang ditetapkan **akan dikenakan denda sebanyak RM50.00**.

Draf jadual peperiksaan akhir Semester 2 Sesi Akademik 2016-2017 akan dipaparkan di laman web PKP bermula **22 Mei 2017**. Sekiranya terdapat percanggahan jadual peperiksaan, saudara/i dikehendaki memaklumkan kepada Unit Peperiksaan dan Pengijazahan PKP sama ada melalui emel [mazuna@ukm.edu.my](mailto:mazuna@ukm.edu.my) selewat – lewatnya pada **28 Mei 2017**.

Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat tersebut, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Jika semasa peperiksaan, saudara/i tidak hadir bagi kursus - kursus berkenaan, saudara/i akan diberi gred E (gagal).

Jadual Peperiksaan muktamad dipaparkan dalam Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) dan boleh dicetak dari SMPE mulai **19 Jun 2017**. Pelajar dinasihatkan menjelaskan yuran yang tertunggak **2 minggu lebih awal** daripada tarikh tersebut untuk mengelakkan sebarang kesulitan.

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Telefon: +603-8921 4073 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: [pghkmbgn@ukm.edu.my](mailto:pghkmbgn@ukm.edu.my) Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>

Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan persiapan saudara/i menduduki peperiksaan berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**MAZUNA JAMALUDDIN**

Eksekutif Kanan

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan

- s.k. - Ketua Bahagian Pengurusan Akademik  
- Penyelaras Program  
- Eksekutif, Unit Pengurusan Program dan Rekod Pelajar

